

Headline **Vaksin cegah HIV dihasil di Thailand**
Date **25 Sep 2009**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Dunia**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **37**
Article Size **173 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **2,359**
PRValue **7,077**



Vaksin cegah HIV dihasil di Thailand

Mampu kurang risiko jangkitan hingga 31 peratus

BANGKOK: Sejenis vaksin yang masih dalam percubaan didapati mampu mencegah jangkitan virus HIV, penemuan pertama dalam usaha mencari penawar penyakit maut itu yang sebelum ini dikatakan hampir mustahil dapat diubahi.

Kumpulan penyelidik yang melakukan suntikan percubaan membabitkan lebih 16,000 sukarelawan di Thailand berkata, vaksin berkenaan dapat mengurangkan risiko jangkitan HIV hingga 31 peratus.

Ketua kajian bagi tentera Amerika Syarikat yang menaja penyelidikan itu dengan Institut Kebangsaan Bagi Alahan dan Penyakit Berjangkit, Kol Jerome Kim berkata:

“Walaupun kesannya masih dianggap sederhana, ia adalah bukti pertama bahawa kita boleh mendapatkan vaksin pencegah yang selamat dan mujarab.”

Pengarah institut berkenaan, Dr Anthony Fauci berkata penemuan itu bukan ‘penghujung jalan’ tetapi pada masa sama beliau terkejut serta amat gembira dengan hasil penyelidikan itu.

“Ia memberi saya perasaan optimis mengenai kemungkinan memperbaiki keputusan kajian itu dan menghasilkan vaksin Aids yang lebih berkesan. Ini adalah sesuatu yang mampu kita lakukan,” katanya dalam satu temuramah melalui telefon.

Beliau berkata, apa juga vaksin pencegahan yang dihasilkan mampu memberi faedah yang besar dalam dunia perubatan, berikutan kira-

kira 7,500 orang menjadi mangsa baru HIV setiap hari dengan dua juta kematian dilaporkan pada 2007.

“Penemuan vaksin ini adalah sesuatu yang amat bersejarah. Ia mungkin mengambil masa dan banyak sumber tenaga tetapi tidak syak lagi, usaha untuk mencari vaksin Aids akan diperluaskan,” kata Pengarah Eksekutif Pakatan Sokongan Vaksin Aids, sebuah agensi antarabangsa yang berusaha menghasilkan vaksin Aids, Mitchell Warren.

Kementerian Kesihatan Awam Thailand melaksanakan kajian menggunakan elemen virus HIV yang biasa dihadapi di Thailand.

Bagaimanapun kumpulan saintis itu berkata, sama ada vaksin berkenaan mampu memberi kesan serupa bagi jenis virus Aids di Amerika, Afrika dan di wilayah lain, belum dapat dipastikan. — AP

“*Penemuan vaksin ini adalah sesuatu yang amat bersejarah*”

Mitchell Warren
Pengarah Eksekutif Pakatan Sokongan Vaksin Aids